

**THE ROLE OF WAQF ON WATER SUPPLY AND SANITATION FACILITY:
AN OVERVIEW**

**PERANAN WAKAF KE ATAS PERKHIDMATAN AIR DAN KEMUDAHAN SANITASI :
SATU TINJAUAN AWAL**

M.Nasrul Hakim Roslanⁱ, Ramlan Mustaphaⁱⁱ, Siti Norma Aisyah Malkanⁱⁱⁱ,
Abu Bakar Jaafar^{iv}, Muhammad Najib Abd Wakil^v & Sumaiyah Bahri^{vi}

- ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Pahang. nasrulhakim@uitm.edu.my
ⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Pahang. ramlan@uitm.edu.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Pahang. siti_norma@uitm.edu.my
^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Pahang. drabubakar@uitm.edu.my
^v Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Selangor. muhammad.najib@uitm.edu.my
^{vi} Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Selangor. sumaiyah@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>Water is one of the fundamental rights of the society of the world. In 2015, 663 million people still lacked access to treating drinking water resources. Besides that, 2.4 billion people have bad sanitation facilities. This is due to several factors including finance, geographic conditions, and administrative crisis. Introduction to Wakaf mechanism is among the incentives that can be used to overcome this problem. Wakaf can be a potential mechanism to help Muslim communities who have limitations in accessing water and sanitation services. The objective of this study was to look at the water crisis as well as the role of Wakaf in overcoming the problems. Thus, descriptive qualitative research was conducted to look at the potential instrument of Wakaf to tackle and overcome the water crisis especially related to finance. This study discusses Wakaf as a mechanism in fundraising to help Muslim communities who have limitations of water access. The results of the study revealed that Wakaf was able to become a fundraising mechanism to help the needs of human rights. At the same time, it can be the alternative solution to the authorities in implementing Wakaf to assist Muslims in poor Islamic countries.</i></p> <p>Keywords: <i>Waqf, Alternative, Poorest Countries, Water, Sanitations.</i></p>
Abstrak	<p><i>Air merupakan salah satu keperluan hak asasi yang utama bagi masyarakat dunia. Pada tahun 2015, sebanyak 663 juta masyarakat seluruh dunia masih kekurangan akses sumber air minuman yang terawat. Selain itu, 2.4 bilion masyarakat dunia juga tidak mempunyai fasiliti sanitasi yang kurang sempurna. Hal ini disebabkan beberapa faktor di antaranya kewangan, keadaan geografi serta krisis pentadbiran. Antara insentif yang boleh dilakukan bagi mengatasi masalah ini adalah dengan pengenalan kepada mekanisme wakaf. Wakaf boleh dijadikan potensi untuk membantu masyarakat Islam yang terhad akan akses perkhidmatan air dan sanitasi.</i></p>

	<p><i>Objektif kajian adalah untuk melihat krisis air serta peranan wakaf dalam mengatasi permasalahan tersebut. Kajian ini dibuat bersifat kualitatif deskriptif dalam menghuraikan potensi wakaf berkemampuan sebagai instrumen menangani krisis air terawat terutama dari segi pembiayaan kewangan. Kajian ini membincangkan wakaf sebagai mekanisme dalam pengumpulan dana bagi menyalurkan bantuan kepada masyarakat Muslim yang kekurangan akses air. Hasil perbincangan mendapati bahawa wakaf mampu menjadi mekanisme penjana dana bagi menampung keperluan hak asasi masyarakat Islam yang tidak berupaya menikmati keperluan tersebut. Sekaligus, ia dapat memberi alternatif kepada pihak berautoriti dalam melaksanakan pelan wakaf bagi membantu umat Islam di negara Islam yang miskin.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Wakaf, Alternatif, Negara Miskin, Air, Sanitasi.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Ketidakcukupan air dan kemudahan sanitasi sentiasa menjadi masalah rutin di dalam dunia ini. Air dan kemudahan sanitasi menjadi keperluan dalam meningkatkan kesihatan seseorang itu. Untuk membiayai pembekalan air yang terawat dan kemudahan sanitasi memerlukan perbelanjaan yang besar. Pada masa kini, terdapat 633 juta masyarakat dunia yang masih tidak dapat menikmati akses air terawat serta kemudahan sanitasi yang baik. Ini kerana faktor geografi, penempatan penduduk yang tidak tersusun, sumber kewangan yang terhad, serta politik pemerintahan yang sering bertukar (Berita Harian, 2016).

Isu masalah kekurangan ini sering berlaku kepada negara yang miskin terutama negara-negara Islam yang membangun seperti Sudan, Yaman, Qatar, Lebanon dan Asia Barat lain (Fahri, 2023). Hal ini disebabkan sumber pendapatan yang terhad, kepadatan penduduk, kedudukan geografi yang tidak strategik serta masalah politik dalaman yang bergolak. Punca utama kepada kekangan ini adalah disebabkan kemiskinan yang melampau akibat kekurangan sumber asli.

Hal ini akan mengakibatkan penerokaan sumber air dalam tanah yang memerlukan pelbagai teknologi tidak dapat dijalankan. Selain itu pembentukan empangan air juga sukar dilakukan kerana memerlukan sejumlah kos yang tinggi bagi menjalankan projek tersebut. Kekurangan air ini bertambah terhad apabila populasi masyarakat bertambah saban tahun. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dana yang besar diperlukan bagi memudahkan lagi akses air sampai kepada masyarakat. Empangan kering, paip bocor, harga air yang dicemari arsenik, pembuangan sisa najis yang tidak tersusun, monopoli telaga air dan sumber air yang jauh antara punca penyaluran dan perkhidmatan air sukar dilaksanakan. Bahkan menurut Musa et al., (2010) pertambahan kepesatan penduduk akan meningkatkan permintaan air di sesuatu kawasan.

Pelbagai jenis bantuan yang wujud dalam menyalurkan dana kepada badan yang terlibat antaranya model yayasan, pelaburan, perkongsian awam dan swasta serta bantuan setempat yang membantu mendapatkan akses air serta keperluan sanitasi. Namun bantuan yang diberikan masih belum meluas terutama dari persatuan-persatuan umat Islam yang datang dari pelbagai negara-negara Islam seperti Malaysia, Indonesi, Brunei, Turki dan banyak lagi. Hal ini memerlukan satu kaedah agihan yang lebih berkesan terutama dari sudut bantuan air dan keperluan sanitasi. Justeru itu, kajian ini ingin melihat keberkesanan wakaf dalam membantu masyarakat dalam menikmati akses air yang baik serta kemudahan sanitasi yang sempurna. Secara umumnya, wakaf telah berjaya memainkan peranannya dalam meningkatkan kualiti kehidupan bermasyarakat.

METODOLOGI

Metodologi penulisan dalam kertas penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif. Pendekatan variasi yang diguna pakai sebagai rujukan bagi mendapatkan kandungan yang sah dan relevan dalam proses menghasilkan kertas kajian ini. Sumber rujukan kedua

berdasarkan kepada kajian kepustakaan. Rujukan tersebut terdiri daripada buku teks, kertas pembentangan prosiding dan seminar, jurnal, rencana serta artikel berkenaan dengan wakaf. Selain itu, maklumat daripada sumber ini diperolehi dengan melayari laman sesawang beberapa institusi wakaf termasuklah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), United Nation, World Bank, laporan Matlamat Pembangunan Millenia (MDG) dan laporan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Analisis kandungan adalah proses meneliti dan menjelaskan kandungan dokumen yang dikaji secara sistematik (Sabitha, 2005).

HASIL DAN PERBINCANGAN

Senario Krisis Dunia Ketidacukupan Air Bersih Dan Terawat

Banyak kajian telah dilakukan bagi mengkaji peningkatan populasi pendudukan dan permintaan global bagi sektor air. Kajian menunjukkan populasi dunia menunjukkan peningkatan sebanyak 30% antara tahun 2000 dan 2025 serta 50% antara 2000 and 2050 (UN DESA, 2014). Populasi penduduk dunia menjangkau 7 bilion pada tahun 2011 dan dijangka mencecah 9 bilion pada tahun 2050 (United Nation, 2015).

UNDP (2015) menganggarkan peruntukan untuk menyediakan akses menyeluruh perkhidmatan air serta kemudahan sanitasi menjelang tahun 2030, iaitu sebanyak US\$27 bilion secara tahunan. Hal ini akan menimbulkan pelbagai kekangan terutama negara yang peroleh pendapatan rendah.

Permintaan dunia global bagi pembekalan serta perkhidmatan air telah meningkat tiga ganda namun keupayaan pembekalan air kian merosot (Gleick, 2003a). Persaingan untuk mendapatkan sumber air antara wilayah dan negara sudah berlaku. Menurut Yoffe et al., (2004) kira-kira 40% daripada penduduk dunia yang tinggal di wilayah secara langsung bersaing untuk berkongsi sumber air. Di China, lebih daripada 300 bandar sudah pun mengalami krisis air dan dijangka krisis ini kian parah (Khan et al., 2009a). Bukti perbezaannya amat jelas sekali apabila negara-negara Timur Tengah yang selama ini dilaporkan jarang-jarang sekali mendapat hujan seperti Israel, Jordan dan Syria, berebut-rebut untuk memperolehi sumber bekalan air mereka dari Lembah Sungai Jordan dan kawasan sekitarnya.

Laporan yang dikeluarkan oleh World Bank (2014) menyatakan bahawa cabaran negara pada hari ini adalah menjamin pembekalan air dan perolehan air adalah besar dan kompleks dalam sektor ekonomi. Peningkatan populasi serta pertumbuhan ekonomi yang menaik telah meletakkan tekanan yang terjangka pada permintaan air. Dapatan juga menganggarkan pada tahun 2030 dengan diukur dengan gaya pengamalan penggunaan air pada masa kini, dunia menghadapi kekurangan 40% di antara permintaan dan bekalan air.

Pada masakini, penggunaan 70% air digunakan untuk bidang pertanian manakala dijangka 9 bilion digunakan untuk penyediaan dan air pada tahun 2050 sekaligus penggunaan air pada meningkat sebanyak 60% dalam bidang pertanian dan 15% meningkat dalam pengeluaran air. Hakikatnya dunia memerlukan lebih banyak peruntukkan air untuk penjanaan elektrik tetapi realitinya lebih 1.3 billion orang masih tidak mempunyai akses kepada elektrik.

Cabaran kekurangan air menurut Hanjra et al. (2008) kini diancam dengan peningkatan kos bagi membangunkan sumber yang baru, kemusnahan di tanah pertanian (Khan & Hanjra, 2009), pengurangan air bawah tanah (Shah et al., 2008), pencemaran air (Tilman et al., 2002), dan kemusnahan ekosistem (Dudgeon, 2000). Serageldin (2001) menerangkan dalam kajiannya bahawa data permintaan dan bekalan air menunjukkan peningkatan mengejutkan. Seramai 450 juta orang di 29 buah negara menghadapi kekurangan air yang teruk. Kira kira 20% lebih banyak air daripada apa yang diperlukan untuk memberi makanan dan minuman tambahan menjelang tahun 2025 (Seckler et al. 1999a), sekaligus menjadikan dua pertiga daripada penduduk dunia akan menghadapi tekanan krisis air menjelang tahun 2025 (Seckler et al., 1999b).

United Nation Development Programme (UNDP) menganggarkan 2.4 bilion masyarakat kekurangan akses kepada kebersihan yang lebih baik mengakibatkan 1 bilion masyarakat mengamalkan pembuangan air besar secara terbuka. Selain itu, 700 juta

manusia masih kekurangan akses untuk menikmati air minuman yang bersih. Faktor-faktor akses sanitasi yang teruk, air dan kebersihan membawa kepada 675 ribu kematian pramatang setiap tahun. Tambahan pula, kekurangan akses kepada air minuman yang selamat meningkat kepada 7% indeks ekonomi GDP kerugian ekonomi pada sesebuah negara tiap-tiap tahun. Untuk jangka masa panjang, manusia dilaporkan akan menghadapi krisis sumber bekalan air yang serius. Menurut laporan yang di keluarkan oleh *United Nation* mengenai Alam Sekitar (*UNEP*), menyatakan, jika manusia menggunakan air dengan kadar yang diamalkan sekarang, dua dari tiga orang penduduk dunia akan hidup di dalam keadaan sukar menikmati bekalan air menjelang tahun 2025.

Asian Development Bank (2010) dalam kajiannya telah menyatakan kebimbangan persaingan pembangunan yang jauh antara negara-negara Asia dengan negara-negara membangun. Dalam kebanyakan negara-negara membangun, pengurusan sumber air yang kuat, efisien, mapan telah menjadi teras pelan mustahak bagi pengurusan pembekalan air serta perkhidmatan. Masalah yang umum yang wujud dalam kalangan negara Asia berkaitan dengan perkhidmatan utiliti sumber air, penggunaan air mentah, pembekalan yang tidak konsisten dan kualiti barangan paip air itu sendiri. Biswas (2006) juga menyokong bahawa pengurusan sumber air sesebuah negara perlu diberi perhatian untuk memastikan tadbir urus pengurusan sesebuah negara menjadi baik. ekonomi dan pembangunan sosial, kestabilan politik dan integriti sebuah sistem.


Analisis Dan Data Keperluan Kewangan Pembiayaan Bagi Pembekalan Air Negera Islam Miskin Yang Terpilih

Peningkatan akses masyarakat terhadap kebersihan air minuman serta sanitasi membawa manfaat besar kepada pembangunan negara melalui kesan peningkatan dalam hasil kesihatan dan ekonomi negara. Di Indonesia, kapasiti perbelanjaan kerajaan untuk infrastruktur sumber air telah meningkat serta-merta melebihi 10 tahun dengan dianggarkan hampir US \$31 billion terjamin untuk 5 tahun akan datang. Sumber pendanaan lain dijangka menyumbang melebihi US \$ 4 bilion secara tahunan merupakan penstrukturan semula polisi kerajaan yang dirasionalisasi untuk memberi tumpuan kepada aktiviti yang lebih produktif seperti sumber air dan pertanian.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh UN (2015) dalam laporan *Sustainable Development Goals: 17 Goals to Transform Our World* terdapat 2.6 bilion masyarakat yang mendapat akses peningkatan sumber air terawat sejak tahun 1990 namun masih terdapat 663 juta orang yang masih mengalami kekurangan akses tersebut. Di anggarkan dalam 1.8 juta masyarakat secara global menggunakan sumber air yang tercemar. Antara tahun 1990 sehingga 2015, nisbah penggunaan air oleh masyarakat global meningkat daripada 76% kepada 91%. Halangan utama iaitu kemarau dan krisis kekurangan air telah menjejaskan lebih kepada 40% daripada populasi masyarakat global secara am. Lebih 1.7 bilion masyarakat yang menjadikan sungai sebagai sumber air dan takungan yang perlu ditukar dan dibersihkan.

Selain itu, laporan ini juga menekankan bahawa 2.4 bilion masyarakat masih kekurangan akses untuk perkhidmatan sanitasi yang baik seperti tandas awam dan tempat kumbahan najis. Setiap hari hampir 1,000 kanak-kanak meninggal dunia kerana penyakit yang berkaitan dengan kebersihan air serta sanitasi. Analisis data yang dikeluarkan oleh World Bank dan SECRICS mengenai ketidakcukupan kesediaan air terawat meliputi negara Islam yang miskin akan prasarana air serta teknologi. Data bagi setiap negara juga diperolehi daripada pelan pemantauan bersama *World Health Organization* (WHO) dan *United Nations Children's Emergency Fund* (UNICEF) yang memberi perincian maklumat mengenai air di negara terpilih.


Rajah 1: Carta aliran penduduk yang mendapat akses sumber air minuman di negara-negara Arab



Sumber: UNDP (2013) *Water Governance in the Arab Region: Managing Scarcity & Securing the Future*

Rajah di atas menunjukkan statistik pendudukan yang mendapat akses sumber air minuman di negara Arab. Laporan *Water Governance in the Arab Region: Managing Scarcity and Securing the Future* dikeluarkan Pertubuhan Bangsa Bersatu. Menurut rajah ini, negara Islam seperti Bahrain, Lebanon, Qatar, UAE, Saudi Arabia, Kuwait tidak mengalami masalah air serta menikmati maksima peningkatan akses air selama 30 tahun. Negara seperti Egypt, Jordan, Comoros, Tunisia, Syria, Oman, Djibouti, Morocco mengalami peningkatan akses air selama tempoh itu. Dalam rajah ini juga menyaksikan penurunan pendudukan yang mendapat akses air seperti negara Palestin, Algeria, Iraq dan Sudan. Negara yang menikmati akses air terhad 60% ialah Yemen, Libya, Mauritania dan Somalia. Negara Arab yang paling sukar menikmati air di bawah peratus 50% adalah Mauritania dan Somalia. Mauritania serta Somalia adalah negara Islam yang dikategorikan negara berpendapatan rendah oleh World Bank.

Rajah 2 : Aliran penduduk yang mendapat akses sanitasi di negara-negara Arab



Sumber: UNDP (2013) *Water Governance in the Arab Region: Managing Scarcity & Securing the Future*

Laporan *Water Governance in the Arab Region: Managing Scarcity and Securing the Future* juga mengeluarkan rajah aliran penduduk yang mendapat akses sanitasi di negara Arab bagi tiga tahun yang berbeza. Secara kesimpulan, Bahrain, Kuwait, Qatar, Saudi mendapat sanitasi yang sempurna bagi tempoh 3 tahun yang berbeza. Oman, Lebanon, Jordan, UAE, Libya, Algeria, Egypt, Palestin, Tunisia, Iraq dan Morocco menyaksikan penambahbaikan terhadap perkhidmatan sanitasi di negara masing-masing.

Namun begitu, perhatian khusus perlu diberikan kepada negara Yemen, Djibouti, Comoros, Sudan, Mauritania dan Somalia dimana perkhidmatan sanitasi hanya dibawah kadar 55% perkhidmatan sanitasi. Kesimpulan daripada rajah aliran penduduk yang mendapat kedua akses perkhidmatan air dan sanitasi adalah setiap negara mengalami peningkatan perkhidmatan air serta sanitasi namun perhatian khusus perlu diberikan kepada negara yang mengalami kesukaran mendapatkan akses seperti Mauritania, Somalia, Libya dan Sudan.

Banyak negara Arab mengalami penambahbaikan perkhidmatan pembekalan air dan sanitasi. UNDP (2015) menanggarkan 84% daripada penduduk negara Arab mendapat akses perkhidmatan air dalam tahun 2005. Ini juga bermakna dalam 50 juta daripada 324 juta dari penduduk Arab, terutamanya di Algeria, Iraq, Morocco, Somalia, Sudan, Syria dan Yemen tidak mendapat perkhidmatan air secara baik.

UN (2015) menyatakan bahawa anggaran 55 juta penduduk di lembah Arab tidak mendapat akses air minuman sementara 65 juta masyarakat tidak mendapat akses kepada sanitasi yang baik.

Rajah 3: Pengurusan Air di Negara-negara Arab


Negara	Jumlah Keseluruhan Kos Air	Jumlah Keseluruhan Kos Sanitasi	Keseluruhan Kos Air dan Sanitasi
Algeria	2,316.1	1,306.2	3,622.3
Comoros	19.5	199.2	218.7
Djibouti	62.2	222.2	284.4
Egypt	509.4	3,975.0	4,484.4
Iraq	2,342.3	5,874.8	8,217.1
Jordan	56.3	79.0	135.3
Mauritania	518.6	1,627.7	2,146.3
Morocco	1,941.0	6,543.2	8,484.2
Oman	135.3	124.4	259.7
Sudan	7,115.5	23,071.7	30,187.1
Tunisia	270.4	1,191.6	1,461.9
Yemen	4,405.7	8,316.7	12,722.4
Jumlah	19,692.4	52,531.6	72,224.0

Sumber: UNDP (2013) *Water Governance in the Arab Region: Managing Scarcity and Securing the Future*

Rajah di atas menunjukkan anggaran pelaburan diperlukan bagi setiap negara dalam perkhidmatan air serta sanitasi mengikut tahun 2010 sehingga 2020 yang dirumuskan oleh laporan ini. Angka pelaburan ini diambil kira mengikut ujuran penduduk dan setiap penyediaan modal. Pelaburan ini merangkumi perbelanjaan perkhidmatan air dan sanitasi bagi setiap negara.

Setiap pelaburan berbeza mengikut setiap keperluan dan kedesakan negara Arab. Sudan merupakan negara yang paling banyak kos pelaburan keseluruhan perkhidmatan air dan sanitasi sebanyak \$7,115.5 dan \$23,071.7 menjadikan kos keseluruhan perkhidmatan kedua-duanya \$30,187.1 kesemuanya. Negara yang paling minima pelaburannya untuk kedua perkhidmatan sanitasi dan air adalah Jordan.


Rajah 4: Populasi penduduk tanpa sumber air yang terawat pada tahun 2015



Sumber: *25 Years Progress On Sanitation and Drinking Water: 2015 Update and MDG Assessment*

Menurut laporan *25 Years Progress On Sanitation and Drinking Water: 2015 Update and MDG Assessment* melaporkan bahawa 2.6 billion penduduk mendapat penambahbaikan akses perkhidmatan sumber air terawat semenjak 1990. Namun Sub Saharan Afrika hanya dapat memberikan 40% pendudukannya akses air ini semenjak 1990. Pada tahun 2015, dianggarkan sebanyak 663 bilion masyarakat di seluruh dunia masih menggunakan sumber air minum yang tidak dipertingkatkan mahupun ditambahbaik. Sub Saharan Afrika terdiri daripada banyak negara dan diantaranya negara penduduknya menganut agama Islam antaranya Niger, Mauritania, Sudan dan lain lain. Selain itu, menurut laporan ini menyatakan 159 juta masyarakat masih bergantung kepada air yang wujud di permukaan. Dua per tiga daripada angka juta tersebut mewakili Sub Saharan Afrika.

Rajah 5 : Populasi masyarakat di benua yang tidak mendapat akses sanitasi yang baik pada tahun 2015



Sumber: *25 Years Progress On Sanitation and Drinking Water: 2015 Update and MDG Assessment*

KONSEP WAKAF AIR DALAM ISLAM

Wakaf merupakan sistem yang telah lama wujud dalam kehidupan manusia sebelum Islam datang, walaupun tidak dinamakan dengan wakaf. Pembinaan dan pembiayaan tempat-tempat ibadat dilakukan sesuai dengan konsep wakaf. Sepertimana halnya dengan jual beli, ijarah, nikah dan akad-akad lainnya telah pun wujud sebelum Islam (Abu Zuhrah, 1959). Seperti yang diketahui, sistem wakaf merupakan sistem yang terdapat di dalam Al-Quran dan sunnah yang menggalakan sikap murni terhadap perwarisan harta dan amalan jariah dalam Islam (Sulaiman Hani, 2004). Selain itu, dinamika mekanisme wakaf tidak terbatas kepada tempat-tempat peribadatan sahaja, tetapi ia mencakupi bidang sosial, ekonomi dan lain-lain.

Dalam surah al-Muzammil Allah berfirman: *"... dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat serta berikan oleh kamu akan Allah dengan pemberian yang baik, dan apa-apa jua yang kamu belanjakan untuk diri kamu daripada mana-mana kebaikan, kamu akan dapat di sisi Allah, ianya adalah lebih baik serta lebih besar pahalanya"* (al-Quran. al-Muzammil: 20). Ayat ini merupakan perintah Allah swt untuk berinfaq di jalan-jalan kebajikan dan menunaikan zakat dengan cara yang terbaik (al-Baydāwī, 1418H).

Contoh perwakafan asset wakaf telah lama dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabat, sebagaimana amalan para sahabat yang pernah berwakaf air melalui pembinaan atau pembelian perigi. Sebagai contoh, wakaf telaga *al-ruumah* yang dilakukan oleh Saidina Othman. Ini kerana ibadah wakaf berkait rapat dengan amalan untuk mendekatkan diri manusia kepada Allah swt. Dalam konteks wakaf air kini, boleh dikategorikan dalam pelbagai aspek antaranya wakaf tunai yang boleh menggantikan wakaf air atau perigi. Antara contoh ayat al-Quran yang menjadi sandaran tentang wakaf ialah dalam surah Ali Imran yang bermaksud: *"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya"* (al-Quran. Ali 'Imran: 92).

PENGURUSAN AIR BERASASKAN WAKAF DI MALAYSIA

Nor' Azurah et. al (2018) menyatakan kelebihan wakaf am dapat dilihat dari segi penjagaan kepentingan modal serta pendapatan yang bertujuan amal soleh. Selari dengan wakaf am iaitu bertujuan memanfaatkan umum umat Islam seperti penyediaan ekonomi umat Islam dan kemudahan hukum syarak. Dalam mengharungi dunia masa kini, Wakaf perlu dipelbagaikan serta diinovasikan supaya dapat disesuaikan dengan peredaran zaman dan pembangunan dunia yang semakin berkembang pesat. Ciri-ciri dan konsepnya yang istimewa yang meletakkan dana wakaf bersifat kekal (*perpetual*) dan akan ditadbir serta diuruskan oleh sebuah badan amanah sebagai nazir atau mutawalli.

Hal ini boleh dicontohi dengan menarik lagi perhariannya dan minat syarikat-syarikat profesional milik Islam bagi membantu kempen ini dengan lebih menarik dan sistematik. Dengan menggunakan laman web, segala maklumat berkenaan tujuan pengurusan air terawat dan kemudahan sanitasi boleh diakses oleh sesiapa pun meliputi pengenalan projek, perjalanan, laporan dan bukti penggunaan dana wakaf dan sebagainya. Hal ini akan meningkatkan lagi kepercayaan umat Islam dalam mengendalikan dana wakaf. Roslan et al. (2021) merumuskan bahawa Zakat, wakaf, sedekah dan takaful merupakan antara instrumen utama yang relevan dan mampu memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi umat Islam serta menjamin keadilan dan kestabilan sosial lebih-lebih lagi mekanisme tersebut terbukti berkesan mengatasi kemurungan ekonomi disebabkan sesuatu bencana besar seperti pandemik COVID19.

Kahf (1998) menyifatkan wakaf sebagai alat jaminan keselamatan melalui agihan serta perkongsian manfaat kepada golongan miskin setanding dengan instrumen zakat. Jelas membuktikan bahawa wakaf berperanan besar terhadap pembangunan ekonomi sosio masyarakat seperti pendidikan, kesihatan, jalan raya, rumah perlindungan dan sebagainya.

Wakaf Tunai Perkhidmatan Air adalah produk wakaf khas yang diwujudkan di bawah Wakaf Tunai Malaysia Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), membabitkan kerjasama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Sehingga 2 Julai 2023, jumlah kutipan berjumlah RM4,485,381.23, jumlah agihan RM2,586,498.98 dan jumlah baki terkini RM 1,898,882.25.

Sehingga kini di Malaysia, sebanyak RM2,586,498.98 telah dibelanjakan bagi tujuan membiayai projek projek perkhidmatan air berskala kecil.

NEGERI	JUMLAH PROJEK	JUMLAH PERBELANJAAN
Kedah	17 projek	RM735,933.00
Pahang	11 projek	RM571,805.00
Kelantan	12 projek	RM541,491.00
Perak	5 projek	RM181,655.00
Sabah	2 projek	RM138,788.00
Selangor	4 projek	RM120,653.98
Negeri Sembilan	3 projek	RM109,865.00
Sarawak	2 projek	RM101,032.00
Johor	2 projek	RM82,276.00

Rajah 6 : Jumlah Agihan Wakaf Air Yang Telah Dijalankan Oleh Yayasan Waqaf Malaysia Dari Tahun 2020 Sehingga 2 Julai 2023.

Pengumpulan wakaf tunai ini dilterajui oleh Kementerian Alam Sekitar dan Yayasan Waqaf Malaysia dengan menyediakan kod imbasan bank demi memudahkan hasrat untuk berwakaf itu ditunaikan. Pihak kementerian juga menyediakan lafaz sighth bagi melengkap tujuan, rukun dan syarat wakaf itu sendiri. Dalam lafaz tersebut turut disertakan akad bagi memberi kuasa kepada Yayasan Waqaf sebagai pentadbir dan menguruskan dana wakaf air tersebut. Selain itu, tujuan wakaf ditubuhkan antaranya mengumpul dana wakaf bagi membiayai projek projek perkhidmatan air berskala kecil dibawah RM50,000.00 di antaranya ;

- 1) Sistem pengepaman sumber air dari perigi
- 2) Pembelian alat-alat ganti, penyelenggaraan bersifat 'sekali beri'
- 3) Dana bantuan operasi pencegahan serta pemulihan system bekalan air luar bandar
- 4) Penyediaan sumber air alternatif yang melibatkan kos penyelenggaraan yang rendah dan selamat digunakan.

Jelas di sini, pemakai wakaf terhadap kemudahan akses air dan infrastruktur merupakan perkara yang boleh mendatangkan banyak manfaat kepada umat Islam di Malaysia. Lebih-lebih lagi, terdapat banyak kawasan di Malaysia yang masih kurang akses terhadap air bersih. Hal ini kerana aspek wakaf air merangkumi penyediaan sumber air seperti penyediaan bekas simpanan air, perigi, pembelian pam air, dan paip air. Hal ini wakaf terutamanya wakaf tunai sangat sesuai dalam menyediakan, menyelia serta memastikan infrastruktur dijaga dengan baik dan disalurkan kepada golongan yang memerlukan. Dari sudut penerima manfaat harta wakaf, golongan yang terkesan dengan akses air akan menerima manfaat tersebut sebagai perkara yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT dan untuk kepentingan masyarakat umum.

KESIMPULAN

Wakaf telah terbukti akan peranannya membantu serta mengangkat kehidupan ummah melalui mekanisme pengagihan semula kekayaan yang efektif untuk dilaksanakan kerana ia mengandungi elemen dan konsep kebajikan. Sejarah membuktikan peranan wakaf penting sejak zaman Rasulullah sehingga zaman kegemilangan Islam seperti kerajaan Uthmaniyah. Sebagai contoh penggunaan cash wakaf dibentuk untuk membina institusi kemasyarakatan seperti sekolah, hospital dan rumah anak yatim (Sadeq, 2002). Aziz et al.

(2013) membahaskan bahawa wakaf tunai berpotensi sebagai pengumpulan sumber dan memastikan akses sampaian dana ke tangan masyarakat.

Islam merupakan agama yang terbesar di dunia dan mempunyai kelompok dalam setiap negara. Maka, nilai kecaknaan sosial menjadi teras agama Islam perlu ditekankan bagi mengembangkan lagi nilai kemanusiaan serta memberi bantuan kepada masyarakat Islam yang kurang upaya.

Di samping itu, kekurangan air berkait rapat dengan kemiskinan. Terdapat mekanisme penswastan air diperkenalkan untuk meningkatkan pembekalan dan perkhidmatan air. Namun, mekanisme ini akan menimbulkan pelbagai masalah terutama kepada masyarakat yang kurang berkemampuan. Hal ini menimbulkan pelbagai rungutan kerana orang yang tidak mempunyai akses air bersih biasanya akan teruk terjejas oleh penswastan sumber air ini.

Walaupun pelaksanaan wakaf itu berbeza pengamalan dan perundangan mengikut negara masing-masing. Namun, dasar dan matlamat tetap sama iaitu mengangkat kehidupan masyarakat yang kurang upaya. Menurut dapatan Ahmad Rashid et al. (2023) wakaf kini boleh diintegrasikan bersama keperluan masyarakat ummah dan juga mengikut arus kemodenan zaman sehingga muncul wakaf bersifat kontemporari seperti wakaf saham, wakaf penternakan, dan sebagainya.

Wakaf merupakan instrumen yang berperanan menggabungkan elemen rohaniah dan kebendaan serta berfungsi ekonomi dan pembangunan ummah (Aziz, A. et al, 2022) Penggembleran ilmu, teknologi, kekayaan, kepakaran sesama negara Islam untuk membina ketamadunan Islam serantanya akan berjaya memberi manfaat khususnya kepada negara Islam yang miskin. Wakaf air jelas merupakan mekanisme bantuan kemanusiaan yang bersifat kontemporari dan berpotensi menangani permasalahan masyarakat yang ditunjangi masalah kewangan yang besar. Pada mulanya wakaf ini ditubuhkan oleh NGO yang berfokuskan tentang masalah air di Malaysia dan kini usaha tersebut telah diarusperdanakan dan disambut baik oleh rakyat.

Inisiatif Yayasan Wakaf Malaysia dalam mewujudkan wakaf air seharusnya diberi pujian serta disambut baik memandangkan isu air masih lagi merupakan isu yang hangat diperkatakan bagi sesetengah negeri yang kritikal malahan isu ini dijadikan modal junjungan politik untuk meraih undi. Islam merupakan agama yang menganjurkan umatnya bersih dan mementingkan kebersihan rohani dan jasmani.

Sewajarnya usaha Malaysia dalam memperkenalkan wakaf air berteraskan wakaf tunai di sambut baik oleh negara-negara Islam yang kritikal mengenai perkhidmatan air dan sanitasi. Justeru itu, wakaf air berpotensi dan berperanan sebagai alat bantuan kewangan bagi mekanisme pendanaan berfungsi sebagai platform menyediakan kemudahan air sekaligus meringankan beban kewangan infrastruktur kerajaan dalam menyediakan kemudahan asas kepada rakyat.

RUJUKAN

Buku

Abu Zuhrah, Muhammad, 1959. *Muhadarat fi al-Waqf*. Kaherah. 7.

al-Baidawi, Nasir al-Din Abu Sa'id Abdullah. 1418H. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 5: 258.

Asian Development Bank (ADB). 2010. *Every Drop Counts: Learning from Good Practice in Eighth Asian Cities*. Mandaluyong City, Philippines, Asian Development Bank and Lee Kuan Yew School of Public Policy.

Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

Sulaiman Hani Mansur. 2004. *al-Waqf wa Dawruhu fi al-Mujtama' al-Islami al-Mu'asir*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

World Bank. 2014. *Africa's infrastructure: A time for Transformation*. Washington DC: World Bank

Jurnal

- Ahmad Rashid, U., Mohamed Yusof, M., Bahri, A., & Roslan, M. 2023. *Pembangunan Wakaf Penternakan Di Malaysia: Satu Sorotan Awal*. Journal Of Contemporary Islamic Studies, Vol. 9 No. 1: 1-14.
- Aziz, A., Ismail, S., Ibrahim, M. A., & Ismail, M. S. 2022. *Inisiatif Perlaksanaan Wakaf Air Di Malaysia: Pembangunan Dan Perlaksanaan Dari Tahun 2020- 2022*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 7(45): 81 - 90.
- Biswas, A. K. 2006. *Water Management for Major Urban Centres*. International Journal of Water Resources Development 22: 183-197.
- Dudgeon, D. 2000. *Large-scale hydrological changes in tropical Asia: Prospects for riverine biodiversity*. BioScience 50 (9): 793-806.
- Gleick, P.H. 2003a. *Global freshwater resources: soft-path solutions for the 21st century*. Science 302 (28): 1524-1528.
- Hanjra, M.A., Gichuki, F. 2008. *Investments in agricultural water management for poverty reduction in Africa: case studies of Limpopo, Nile, and Volta river basins*. Natural Resources Forum 32 (3): 185-202.
- Khan, S., Hanjra, M.A. 2009. *Footprints of water and energy inputs in food production-global perspectives*. Food Policy 34 (2): 130-140.
- Khan, S., Hanjra, M.A., Mu, J., 2009a. *Water management and crop production for food security in China: a review*. Agricultural Water Management, Vol. 96, Issue 3: 349-360.
- Roslan, M. N. H. ., Ahmad Rashid, U. S. ., Zulkiflee, N. ., & Bahri, S. 2021. *The Role Of Islamic Financial Philanthropy During Covid-19: An Overview: Peranan Filantropi Kewangan Islam Dalam Mendepani Covid-19: Satu Tinjauan Awal*. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 24(2), 17-27. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/365>
- Sadeq, A.M. 2002. *Waqf, perpetual charity and poverty alleviation*. International Journal of Social Economics 29 (1/2): 135-151.
- Seckler, D., Amarasinghe, U.D., Molden, R. de Silva, Barker, R.. 1999a. *World Water Demand and Supply, 1990-2025: Scenarios and Issue*. Research Report 19, International Water Management Institute, Colombo, Sri Lanka.
- Seckler, D., Barker, R., Amarasinghe, U. 1999b. *Water scarcity in the twenty-first century*. International Journal of Water Resources Development 15 (1/2): 29-42.
- Serageldin, I. 2001. *Assuring water for food: the challenge of the coming generation*. Water Resources Development 17 (4): 521-525.
- Shah, T., Bhatt, S., Shah, R.K., Talati, J. 2008. *Groundwater governance through electricity supply management: assessing an innovative intervention in Gujarat, western India*. Agricultural Water Management 95 (11): 1233-1242.
- Tilman, D., Cassman, K.G., Matson, P.A., Naylor, R., Polasky, S. 2002. *Agricultural sustainability and intensive production practices*. Nature 418: 671-677.
- Yoffe, S.B., Fiske, G., Giordano, M., Giordano, M., Larson, K., Stahl, K., Wolf, A.T. 2004. *Geography of international water conflict and cooperation: data sets and applications*. Water Resources Research 40 (5): 1-12.

Seminar & Prosiding

- Aziz, M., Johari, F. and Yusof, M.A. 2013. *Cash waqf models for financing in education*. Proceedings of the 5th Islamic Economic System Conference (iECONS2013). 835-842.
- Kahf, Monzer. 1998. *Finance Development of Awqaf Properties*. International Conference on Awqaf and Economic Development. Islamic Research Training Institution. Kuala Lumpur.
- Musa, S., Zakaria, N. A., Lai, S. H. 2010. *Pengekstrakan Air Bawah Tanah Sumber Bekalan Setempat*. Persidangan Kebangsaan Hidrologi Alum Sekitar. Batu Pahat, Malaysia:

Nor' Azurah Md Kamdari, Rahimie Karim, Rameli Yusoff. 2018. *Perlaksanaan Sistem Pengurusan Wakaf: Satu Kajian di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. International Conference on Islam and Global Issues (iCIGI2018), UiTM Kampus Cawangan Machang, Machang, Kelantan, pp. 619-623.

Laporan

UN DESA. 2014. Concise Report on the World Population Situation in 2014. ST/ESA/SER.A/354

UNDP. 2013. Water Governance in the Arab Region: Managing Scarcity and Securing the Future

UNDP. 2015. Fighting Corruption In The Water Sector : Methods, Tools And Good Practices.

Laman Sesawang

Berita Harian Online. 2020. Wakaf Air agih lebih RM800,000 jayakan projek di 21 lokasi. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/04/941796/wakaf-air-agih-lebih-rm800000-jayakan-projek-di-21-lokasi> (diakses pada 26 April 2021)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.